



**PROSES KERJA
SYOR ROBOH
BANGUNAN KERAJAAN**

**BAHAGIAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**

PROSES KERJA SYOR ROBOH BANGUNAN KERAJAAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan kertas ini adalah untuk menerangkan langkah-langkah yang perlu diambil didalam proses syor meroboh bangunan Kerajaan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Bangunan-bangunan kerajaan yang dibina di merata tempat di dalam atau di luar negara merupakan aset yang amat penting. Bangunan-bangunan ini pada satu masa mungkin sudah tidak sesuai digunakan lagi oleh kerana beberapa sebab yang munasabah pada ketika itu dan perlu dirobohkan bagi memberi laluan untuk tanah dimana bangunan tersebut didirikan digunakan untuk tujuan yang lain. Sebelum bangunan tersebut diroboh, beberapa proses perlu dilalui bagi mengelak ianya diroboh sesuka hati tanpa kelulusan dari pihak yang berkuasa melulus.

3.0 JENIS-JENIS BANGUNAN KERAJAAN

- 3.1 Bangunan-bangunan Kerajaan terbahagi kepada dua(2) :
 - a) Bangunan Kerajaan Persekutuan
 - b) Bangunan Kerajaan Negeri
- 3.2 Bangunan-bangunan yang disewa oleh Kerajaan tidak termasuk didalam kategori bangunan Kerajaan melainkan bangunan tersebut telah menjadi hak milik Kerajaan.

4.0 KUASA MELULUS

- 4.1 Peraturan mengenai perobohan/pemusnahan bangunan-bangunan Persekutuan telah dijelaskan melalui Pekeliling KPTG Bil.24/1980 di para 10. Manakala Jawatankuasa Kabinet Mengenai Langkah-langkah Untuk Mempercepatkan Perlaksanaan Projek-projek Persekutuan yang bermesyuarat pada 19 Ogos 1980 telah memutuskan supaya **kuasa bagi meluluskan pemusnahan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan diperturunkan kepada Jabatan Kerja Raya**, bagi mempercepatkan proses pemusnahan. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh tersebut.
- 4.2 Dari tarikh yang dinyatakan, kelulusan syor roboh bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya dan tugas tersebut diamanahkan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kerjaraya.

5.0 TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN

- 5.1 Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan yang memiliki bangunan yang ingin diroboh memohon kepada Jabatan Kerja Raya Negeri dimana bangunan tersebut berada untuk mengemukakan permohonan merobohkan bangunan beserta dengan maklumat lengkap mengenai bangunan tersebut, antaranya :
- a) Gambar bangunan beserta nombor daftar bangunan.
 - b) Pelan tapak menunjukkan kedudukan bangunan sedia ada ditanda dengan jelas bangunan yang hendak diroboh dan nombor daftar bangunan (No.JKR).
 - c) Pelan tapak menunjukkan cadangan pembangunan semula (sekiranya alasan meroboh adalah untuk pembangunan semula) atau,
 - d) Surat pengesahan daripada Ibu Pejabat pemohon yang mengesahkan projek pembangunan/pembinaan semula (alasan dimana permohonan meroboh bangunan dibuat) telah diluluskan.
 - e) Permohonan hendaklah disahkan oleh Bahagian Pembangunan/ Logistik Ibu Pejabat pemohon. Nama serta jawatan dicatat dengan jelas di atas borang permohonan.

6.0 TUGAS JABATAN KERJA RAYA NEGERI

- 6.1 Jabatan Kerja Raya Negeri/Daerah hendaklah membuat pemeriksaan keatas bangunan yang disyor roboh dan membuat laporan mengikut format seperti di Lampiran A.
- 6.2 Pastikan bangunan tersebut memenuhi ciri-ciri berikut:
- a) Sangat daif dan usang
 - b) Tidak selamat diduduki
 - c) Tidak ekonomik dibaiki ATAU memenuhi para 7 c) atau 7 d).
- 6.3 Laporan yang lengkap hendaklah dihantar ke Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk sokongan syor roboh.

7.0 KELULUSAN

- 7.1 Urusetia syor roboh bangunan kerajaan menyemak permohonan dan memajukan kepada Pengarah Kanan JKR Cawangan Kejuruteraan Senggara untuk tandatangan sokongan syor roboh sebelum dimajukan ke Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya untuk kelulusan.

8.0 PEMBERITAHUAN SELEPAS KELULUSAN

- 8.1 Surat kelulusan syor roboh bangunan akan dimajukan ke Jabatan Kerja Raya Negeri dan salinan ke jabatan-jabatan berikut:
- a) Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian
 - b) Pejabat Ketua Audit Negara
 - c) Pengarah JKR Unit Bisnes
 - d) Jabatan Pelanggan

9.0 KERJA MEROBOH SELEPAS KELULUSAN

- 9.1 Kerja-kerja meroboh bangunan perlu dilakukan dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh kelulusan diperolehi, jika tidak JKR Negeri perlu memohon lanjutan kelulusan daripada Cawangan Kejuruteraan Senggara, Ibu Pejabat JKR Malaysia 2 minggu sebelum tamat tempoh 2 tahun.
- 9.2 Sekiranya bangunan belum dirobohkan dan permohonan lanjutan selepas tamat tempoh 2 tahun tidak dikemukakan, JKR Negeri perlu membuat permohonan semula kepada pihak berkuasa melulus.

10.0 SIJIL AKUAN ROBOH

- 10.1 JKR Negeri perlu mengeluarkan Sijil Akuan Roboh seperti di Lampiran B selepas selesai kerja meroboh bangunan dan dimajukan kepada Ketua Pengarah Kerja Raya dan disalinkan kepada jabatan-jabatan berikut:
- a) Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian
 - b) Pejabat Ketua Audit Negara
 - c) Jabatan Pelanggan

11.0 CARTA ALIRAN DAN PROSES KERJA SYOR ROBOH

- 11.1 Carta aliran dan proses kerja syor roboh adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2.